

**Hentam Dr Mahathir hanya jadikannya 'popular', kata TPM**  
**The Malaysian Insider**  
**July 27, 2015**  
**Oleh Diyana Ibrahim**

Pihak yang menghentam Tun Dr Mahathir Mohamad melakukan perbuatan sia-sia kerana ia hanya menyebabkan populariti bekas perdana menteri itu semakin melonjak naik, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan perdana menteri itu merujuk kepada ahli Umno yang menggunakan media arus perdana untuk menghentam Dr Mahathir kerana begitu lantang mengkritik pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak terutama berkaitan skandal 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurut Muhyiddin, tindakan tersebut hanya menyebabkan kedudukan Barisan Nasional (BN) semakin lemah dan goyah.

"Saya setuju Dr Mahathir ibarat bapa kita, beliau bekas perdana menteri ada banyak idea.

"Saya tidak pernah ada masalah dengan beliau (Dr Mahathir), tidak sulit untuk saya komunikasi dengan beliau dalam beberapa pertemuan .

"Jadi berhentilah hentam Dr Mahathir, beliau adalah bekas perdana menteri, lagi anda hentam, lagi populariti beliau melonjak sehingga mencecah bumbung dan kedudukan kita pula jatuh," katanya semasa ucapan penggulungan mesyuarat Umno Cheras di Kuala Lumpur hari ini.

Menteri pendidikan itu berkata, Dr Mahathir ada mengakui kepadanya kritikan terhadap Najib adalah kerana dasar sayang.

"Ketika pertemuan itu, Dr Mahathir ada katakan ia bukan kerana jambatan bengkok. Katanya itu dah lama berlalu ketika zaman Tun Abdullah Badawi.

"Tapi beliau sayangkan Najib dan cukup bimbang dengan apa berlaku.

"Beliau kata sebab terkenang bapa Najib, kerana Tun Razak adalah pemimpin yang melantik dirinya sebagai perdana menteri. Beliau hanya beri pandangan dan saya tidak fikir ia melampau," katanya.

Muhyiddin berkata, BN dilanda masalah yang berterusan dan ketidaksefahaman antara perdana menteri dan Dr Mahathir dan tidak seharusnya menambahkan lagi konflik berlaku.

"Kita ada banyak masalah, jadi jangan tambahkan lagi, musuh kita ramai di luar sana yang mendoakan kita jatuh dan kita tidak seharusnya terus membiarkan situasi ini," katanya. – 26 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hentam-dr-mahathir-hanya-ja-dikannya-popular-kata-tpm>